



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

Rabu, 4 Januari 2023

1	Harga makanan ternakan naik hingga 34 peratus
2	50,000 ayam dimusnahkan akibat H5N1
3	Selesama burung : 50,000 ayam dimusnahkan di Denmark

DISEDIAKAN OLEH :
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT,
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

Harga makanan ternakan naik hingga 34 peratus

Jejas margin keuntungan penternak tempatan

Oleh Hazwan Faisal Mohamad
hazwanfaisal@bh.com.my

Kenaikan harga makanan ternakan sehingga 34 peratus menjaskan margin keuntungan penternak tempatan, demikian mengikut Affin Hwang Investment Bank.

Mengikut bank pelaburan itu dalam nota penyelidikannya baru-baru ini, harga soya dan jagung masing-masing meningkat sebanyak 16.2 peratus dan 34.8 peratus dari awal tahun lalu hingga 30 Disember 2022.

Katanya, keuntungan QL Resources Bhd, antara penternak utama di Malaysia, boleh terjejas susulan kenaikan harga komoditi berkenaan.

"Panduan daripada pengurusan mengatakan bahawa kos bahan mentah boleh dialihkan ke-



Harga soya dan jagung meningkat antara 16.2 peratus dan 34.8 peratus dari awal tahun lalu hingga 30 Disember 2022.

(Foto hiasan)

pada pelanggan, bagaimanapun ia mungkin mengambil masa di antara tiga bulan hingga tujuh bulan.

"Dalam masa itu, kami menangkakkan marginnya untuk menipis. Harga soya dan jagung pula masing-masing telah meningkat sebanyak 16.2 peratus dan 34.8 peratus dari awal tahun lalu hingga 30 Disember 2022," katanya.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Mohamad Sabu, sebelum ini berkata kenaikan harga ayam dan telur yang agak tinggi berpunca daripada faktor makanan ayam itu sendiri yang turut mengalami peningkatan yang mendadak.

Katanya, faktor makanan yang diimport juga menyebabkan berlaku peningkatan berganda.

Kos pengeluaran ayam

Sementara itu Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, berkata secara purata, kos pengeluaran ayam dalam negara adalah RM6.53 sekilogram (kg) pada September lalu.

Katanya, harga sekilogram ayam di ladang dengan mengambil kira lima peratus, 10 peratus dan 20 peratus keuntungan daripada kos pengeluaran yang direkodkan berada di antara julat RM6.86 hingga RM7.84, manakala margin keuntungannya pada

peringkat borong merekodkan RM1.30.

Beliau berkata, di peringkat runcit pula, margin keuntungan sekilogram ayam mencatatkan RM1.25.

"Bagi telur ayam, purata kos pengeluaran sebiji telur mencatatkan 48 sen. Sekiranya mengambil kira lima peratus, 10 peratus dan 20 peratus keuntungan daripada kos pengeluaran, harganya di ladang direkodkan antara julat 50 sen hingga 58 sen sebiji."

"Margin keuntungan sebiji telur ayam peringkat borong dan runcit pula masing-masing catatkan 4 sen dan 2 sen," katanya merusi kenyataan baru-baru ini.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4.1.2023	BERITA HARIAN	DUNIA	27

50,000 ayam dimusnah akibat H5N1

Copenhagen: Kira-kira 50,000 ayam perlu dimusnahkan susulan penularan baharu virus selesema burung di sebuah ladang di barat Denmark, menurut kenyataan Kementerian Makanan, Pertanian dan Perikanan negara itu kelmarin.

“Ayam itu dijangkiti virus H5N1 yang mudah merebak dan boleh menyebabkan kematian.

“Kami akan memusnahkan 50,000 ayam dalam tempoh beberapa hari akan datang,” kata ketua bahagian Pentadbiran Veterinar dan Makanan Denmark (DVFA) Lotte Brink, lapor Xinhua.

Virus itu pertama kali dikehaskan pada malam tahun baharu selepas apabila beberapa ayam ditemukan mati di sebuah ladang berhampiran bandar Orum di Perbandaran Hedensted, kira-kira 177 kilometer barat Copenhagen.

Semua ayam yang dijangkiti dijangka dihapuskan oleh DVFA dan Agensi Pengurusan Kecemasan Denmark (DEMA) diikuti dengan kerja-kerja pembersihan menyeluruh dan pembasmian kuman di seluruh kawasan ladang. BERNAMA

Selesema burung: 50,000 ayam dimusnah di Denmark

COPENHAGEN: Sebanyak 50,000 ayam dimusnahkan berikutan penyebaran wabak selesema burung di ladang barat Denmark.

Menurut laporan Xinhua daily, Ketua Seksyen Pentadbiran Veterinar dan Makanan Denmark (DVFA), Lotte Brink berkata, haiwan ternakan itu sebenarnya sudah dijangkiti dengan virus selesema burung yang berbahaya iaitu H5N1.

Sebagai mengambil langkah awal, katanya, pihaknya terpaksa memusnahkan 50,000 ekor ayam dalam tempoh beberapa hari.

"Matlamat kami adalah untuk mengurangkan penderitaan haiwan ternakan itu selain menghalang daripada

perebakan wabak," katanya.

Virus itu pertama kali dikecaskan pada malam tahun baru selepas apabila beberapa ayam ditemukan mati di sebuah ladang berhampiran bandar Orum di Perbandaran Hedensted, kira-kira 177 kilometer barat Copenhagen.

Isnin lalu, DVFA menyeraihkan kawasan yang berada dalam lingkungan 10 kilometer dari ladang itu sebagai Zon Larangan, sebarang pengeluaran telur atau ayam tanpa permit dilarang sama sekali.

Penularan wabak selesema burung itu kali keempat berlaku sejak Oktober dan yang terbesar setakat ini, menurut Kementerian Makanan, Pertanian dan Perikanan negara itu.